

12 JAN 1997

AKTA PERTUBUHAN HARUS DIKAJI, KATA LEE LAM THYE

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Aktivis sosial Datuk Lee Lam Thye hari ini menggesa kerajaan mengkaji secara serius Akta Pertubuhan untuk menyesuaikan dengan penubuhan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berwibawa dan dihormati di negara ini.

Beliau berkata, pada masa ini, ada Pertubuhan Bukan kerajaan yang berselindung di sebalik nama syarikat kerana masalah yang dihadapi di bawah Akta berkenaan.

"Masalah ini boleh diatasi bersama dengan para pemimpin NGO yang bertanggungjawab kepada anggota dan perjuangannya," kata beliau dalam satu kenyataan di sini.

Beliau menulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam yang bimbang bahawa ada pertubuhan bukan kerajaan berselindung di sebalik nama syarikat dan diurus secara tidak tertib.

Lee yang juga Naib Presiden Pemadam berkata beliau percaya pertubuhan bukan kerajaan hendaklah melaksanakan tanggungjawabnya dengan saksama untuk kepentingan negara jika ingin mendapatkan kepercayaan bukan sahaja anggota mereka bahkan masyarakat.

"Kenyataan Perdana Menteri yang mahu NGO memperjuangkan kepentingan rakyat dan masyarakat merupakan jaminan yang melegakkan," kata beliau. --

BERNAMA

WE FAZ